

# KEJOHANAN BOWLING ANTARA SEKSYEN



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4869-kejohanan-bowling-antara-seksyen](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4869-kejohanan-bowling-antara-seksyen)

BUKIT MERTAJAM, 18 Apr 19 - Pangkalan Udara Butterworth telah menganjurkan Kejohanan Bowling Antara Seksyen di Ole Ole Super Bowl, Mydin Mall Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Kejohanan ini merupakan acara sukan bagi kalender sukan tahunan Pangkalan tahun 2019. Julung-julung kali Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) telah menghantar pasukan bowling yang diketuai oleh Lt Muhamad Syazwan bin Ahmad TUDM, PW U II Mohd Zainuri bin Ahmad, F/Sjn Mohd Jamil bin Sulaiman, F/Sjn Mahendra Rao a/l Subramaniam, F/Sjn Norman bin Nordin, Kpl U (W) Wan Atiqah binti Wan Nazri dan Kpl Nor Azah binti Abdul Arshad. Turut hadir Ketua Jurulatih INSKEP, Mej Mohd Sani bin Shafie TUDM untuk memberi sokongan kepada pasukan INSKEP.



Sebanyak 8 pasukan terdiri dari semua Skuadron dan Cawang di Pangkalan Udara Butterworth telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini. Keputusan Pertandingan Bowling Antara Seksyen Pangkalan Udara Butterworth 2019 Johan adalah Pasukan Gabungan Tadbir, Provos dan UPKAT, Naib Johan adalah INSKEP dan tempat Ke-3 adalah Pasukan Gabungan Material dan MATRA 3. Di akhir kejohanan ini, Exo Pangkalan Udara Butterworth, Kol Koey Tang Chai TUDM telah menyempurnakan penyampaian hadiah sekaligus menutup tirai kejohanan tersebut.